

Peringatan: Tiap-tiap

pembaca yang mendatangkan

pertanyaan hendaklah memberi

nama dan alamatnya yang terang.

Pertanyaan-pertanyaan yang tidak

menyertakan alamat-alamatnya dan

namanya yang terang beserta dengan

pertanyaannya itu tidak akan dilayan. – Abu Al-Mokhtar.

-----\*-----\*-----

Haji Abdul Karim Wazir Jalan Baru, Parit Buntar,

bertanya :-

1. Bagaimana jalannya supaya persahabatan di antara seorang dengan seorang itu kekal?


2. Adakah baik bersahabat dengan orang yang tiada setaraf umurnya dengan kita?

Jawab:- (1). Sebaik-baik petua bagi menguatkan eratnya tali persahabatan di antara seorang dengan seorang ialah tingkah laku yang baik, budi bahasa yang halus dan tutur kata yang manis. Gemar berlebih kurang, bertolak ansur dan pandai menimbang-rasa.

(2.) Orang muda adalah baik bersahabat dengan orang yang lebih tua daripadanya kerana ia akan mendapat faedah daripada pengalaman-pengalaman yang baik-baik daripada orang yang berumur itu dan orang tua adalah baik bersahabat dengan orang muda supaya pengalamannya yang baik-baik dapat menarik orang muda itu kepada baik pula. Tujuan-tujuan yang lain daripada itu tidaklah ada faedahnya.

-----\*-----\*-----

Soal :- Ahmad ada membela seorang anak angkat Cina bernama Kamariah. Apabila Kamariah telah cukup umurnya dikahwinkan dengan seorang lelaki dengan Bin Ahmad juga tetapi berwalikan dengan wali hakim – apa hukumnya. Saleh Mahmudan, Kukup, Johor.



(Khas bagi Qalam sahaja - Tidak dibenarkan dipetik)

Jawab : Menurut al-Quran

dalam surah An-Nisa ayat

yang kedua puluh tiga bahawa

yang haram dikahwinkan oleh

seseorang itu ada tiga belas

iaitu (1) Bekas isteri

bapanya (janda ayahnya), (2)

Ibunya yang menzahirkannya, (3) Anaknya sendiri, (4) Saudaranya

sendiri, (5) Saudara ibunya (mak saudaranya), (6)

Saudara bapanya (ayah saudaranya), (7) Anak dari saudaranya

yang lelaki (anak saudaranya), (8) Anak dari saudaranya

yang perempuan (anak saudaranya), (9) Perempuan yang pernah

menyusukannya (ibu susu), (12) Isteri anaknya sendiri

(menantu) dan (13) Saudara isterinya (iparnya) jika

isterinya masih dalam tangannya.

Daripada ini maka kahwin anak angkat itu tidak termasuk di dalam bab tegahan yang tersebut dan yang demikian dapatlah kiranya tuan maklum perkahwinannya itu halal. Tentang wali hakim itu kepada anak angkat yang seperti demikian telah lazim adanya kerana tiap-tiap seorang perempuan seperti itu boleh berwakil kepada seseorang bagi mengahwinkan dirinya.

-----\*-----\*-----

Soal : (1.) Bagaimana hukumnya orang yang berzina siang hari dalam bulan Ramadhan?, (2.) Adakah yang demikian itu dikenakan kifarah? Pemuda Angkatan Baru Taiping, Perak.

Jawab : Di sini dalam masalah ini boleh dijawab dengan satu jawapan. Seseorang yang berzina itu sudah tetap melakukan perbuatan haram dan sangat ditegah oleh agama. Orang yang melakukan perbuatan itu akan menerima balasan-balasan yang pedih, daripada Allah. Zina itu apabila dilakukan dalam bulan puasa lebih bertambah berat lagi melanggar dua tegahan – tegahan zina

dan tegahan bersetubuh di dalam puasa. Hukum orang yang bersetubuh dalam bulan puasa pula hendaklah ia membayar kifarah yakni puasa tidak putus-putusnya selama tiga bulan. Jauhilah daripada melakukan perbuatan yang mungkar itu dan berimanlah kepada Allah dengan jauhi membuat pekerjaan-pekerjaan yang dilarangnya.

-----\*-----\*-----

Soal : Bagaimana hukumnya seseorang perempuan yang hendak beranak dibidankan oleh dukun atau doktor lelaki yang bukan muhrimnya sedang perempuan pada masa itu sudah terang bertelanjang dihadapi oleh dukun atau doktor itu – “janda muda” Lorong Engku Aman, Singapura.

Jawab : Sebelum menjawabnya patut kita menerangkan di sini satu ayat Al-Quran di dalam surah An-Nur yang menunjukkan bahawa perempuan-perempuan tidak boleh berpandangan-pandangan kepada lelaki yang bukan muhrimnya dan wajib mereka memelihara kehormatan mereka dan tidak boleh mereka nampakkan badan mereka melainkan apa yang biasa kelihatan iaitu muka dan dua tangan sampai kepergelangan tangan – begitulah difahamkan oleh ahli tafsir ke atas ayat yang madmunnya : “Khabarkanlah kepada perempuan-perempuan Islam bahawa hendaklah mereka menundukkan pandangan mereka, dan hendaklah mereka pelihara kehormatan mereka dan janganlah mereka nampakkan badan mereka melainkan apa yang zahir jua.

Yang demikian ini dikuatkan lagi oleh sabda Rasulullah (SAW) yang madmunnya : Bahawa (anak) perempuan, apabila cukup umurnya maka tidak boleh dilihat akan dia melainkan mukanya dan dua tangannya sampai kepergelangannya – diriwayatkan oleh Abu Daud. Hadis ini sungguhpun lemah tetapi digunakan di sini bagi menerangkan batas yang tidak terang daripada ayat Al-Quran itu. Dan lagi Rasulullah telah bersabda yang madmunnya: “Tidak boleh lelaki melihat aurat lelaki dan

tidak boleh perempuan (melihat) aurat perempuan”hadis sahih diriwayatkan oleh Muslim.

Dengan keterangan ini dapatlah kita tetapkan bahawa aurat perempuan itu bukan sahaja tak boleh dipandang oleh lelaki lain tetapi juga perempuan dengan perempuan iatu sebagaimana juga lelaki dengan lelaki ditegah. Tegahan yang tersebut di atas ini dikecualikan oleh terpaksa kerana Allah telah berfirman yang maksudnya : “Barangsiapa terpaksa (tetapi) tidak (ia) sengaja mau dan tidak (ia) melebihi batas tidak ada dosa atasnya”.

Sekarang dengan soal yang tersebut di atas ini mustahak kita lihat keadaan perempuan yang hendak beranak itu dan mustahak diatur oleh dukun-dukun dengan tertib. Tertibnya itu begini : (1.) Perempuan itu patuh diselenggarakan oleh suaminya sendiri kerana di antara suami dengan isteri itu boleh dibilang tidak ada aurat, (2.) Kalau suaminya bukan dukun atau doktor maka boleh dicari seorang dukun perempuan atau doktor perempuan. Aurat perempuan itu tidak boleh dibuka oleh dukun atau doktor yang tersebut kalau tidak mustahak dan (3.) Sekiranya tidak ada dukun perempuan atau doktor perempuan ataupun ada dukun perempuan atau doktor perempuan itu tetapi ia tidak sanggup mengurusnya maka bolehlah diambil dukun lelaki atau doktor lelaki.

Aurat perempuan itu tidak boleh dibuka oleh dukun atau doktor yang tersebut melainkan sekadar yang perlu jua. Cara inilah yang sebaik-baiknya kita perhatikan dan hendaklah kita menjauhkan sekali daripada berperasaan bahawa kalau lelaki sama lelaki anak perempuan sama perempuan boleh melihat-lihatan auratnya yang demikian adalah sama-sama sekali.